

4.5.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PAIP BOCOR: BEKALAN AIR KE 11 KILANG KEMBALI NORMAL DALAM TEMPOH KURANG DARIPADA 6 JAM

- **Saluran paip 300mm dirosakkan oleh kontraktor TNB ketika memasang kabel elektrik.**
- **PBAPP menyiapkan kerja pembaikan kecemasan dan bekalan air kembali normal dalam masa kurang daripada 6 jam.**

PULAU PINANG, Sabtu, 4.5.2019: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) membaiki kebocoran pada saluran paip 300mm di Bayan Lepas semalam untuk menormalkan bekalan air ke 11 buah kilang.

Pada awal pagi, kontraktor TNB merosakkan saluran paip 300mm keluli lembut (MS) ketika memasang kabel elektrik di lokasi. Kejadian ini menyebabkan kebocoran pada saluran paip, membanjirkan parit kerja dan di jalan raya.

Pada jam 10.00 pagi, pasukan PBAPP terdiri daripada 7 orang tiba di lokasi untuk menjalankan kerja-kerja kecemasan membaiki paip. Bekalan air terpaksa ditutup bagi memulakan kerja. Ia sekaligus membawa kepada gangguan bekalan air tidak berjadual yang menjejaskan 11 buah kilang di kawasan berkenaan.

Pasukan PBAPP membersihkan parit, mengeluarkan air, menentukan lokasi kebocoran dan membaiki bahagian yang paip yang rosak.

Jam 2.45 petang, kerja-kerja pembaikan selesai dijalankan.

Jam 3.50 petang, bekalan air ke semua kilang yang terjejas telah kembali normal.

KPI SPAN UNTUK PEMBAIKAN PAIP 300mm: 36 JAM

Sila ambil perhatian bahawa gangguan bekalan air tidak berjadual ini berpunca daripada kerosakan paip yang disebabkan oleh kontraktor TNB.

PBAPP menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecemasan dan bekalan air normal semula dalam tempoh 5 jam dan 50 minit. Petunjuk prestasi utama (KPI) bagi kategori pembaikan saluran paip ini, seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), adalah 36 jam.

Sebagai rujukan, berikut adalah KPI SPAN untuk gangguan bekalan air tidak berjadual yang terpakai kepada semua pemegang lesen perkhidmatan bekalan air di Semenanjung Malaysia:

- | | |
|----------------------------------|--------|
| • Paip Komunikasi | 24 jam |
| • Paip berdiameter kurang 200mm | 24 jam |
| • Paip berdiameter 200mm - 600mm | 36 jam |
| • Paip berdiameter 600mm ke atas | 48 jam |

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my